

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]
TARIKH : 7 APRIL 2015
SOALAN :

YB Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan setakat mana Kementerian berusaha bekerjasama dengan pengeluar perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) dalam aspek kajian serta penyelidikan dan menjalankan *clinical trial* untuk mengembang, membangun dan menggunakan (PT&K) seperti di negara-negara lain; dan apakah jenis-jenis perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) yang telah dilaksanakan di 15 buah institusi kesihatan Kerajaan yang mempunyai unit tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam perancangan untuk memajukan industri herba di Malaysia. Kolaborasi yang berkaitan bukan sahaja melibatkan agensi-agensi dalam sektor Kerajaan, malahan juga pihak berkepentingan dalam sektor swasta, termasuk syarikat-syarikat yang terlibat dalam herba perubatan tradisional dan komplementari.

Tuan Yang Dipertua,

KKM merupakan anggota dalam Majlis Pembangunan Herba Negara (MPHN). Untuk makluman Ahli Dewan semua, penubuhan MPHN telah diluluskan oleh Kabinet pada 9 Februari 2011 untuk melaksanakan agenda pembangunan dan kemajuan industri herba di bawah NKEA Pertanian melalui program transformasi ekonomi (ETP).

Beberapa Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah MPHN adalah diterajui oleh KKM. Sebagai contoh, Jawatankuasa Penyelidikan dan Pembangunan Perubatan Herba yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia adalah bertanggungjawab untuk mempromosikan penyelidikan klinikal dalam bidang perubatan herba dan membangunkan garis panduan yang berkaitan.

Selain itu, Jawatankuasa Monograf Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Pengarah Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) menjalankan penyelidikan ke atas herba tempatan termasuk penyelidikan yang berkaitan agen *anti-cancer*, *anti-inflammatory*, *anti-microbial*, *anti-diabetic* dan *anti-dengue*. Semua bahan-bahan aktif akan melalui ujian

toksikologi dan ujian pra-klinikal selaras dengan garis panduan penyelidikan antarabangsa. Sekiranya didapati selamat, ia akan disusuli dengan ujian klinikal.

Pada ketika ini, terdapat 15 buah institusi kesihatan Kerajaan yang menawarkan perkhidmatan PT&K di samping perubatan moden. Antara perkhidmatan yang ditawarkan pada ketika ini adalah rawatanurut Melayu dan rawatan akupunktur bagi pesakit yang mengalami kesakitan kronik dan pesakit pasca angin ahmar, rawatan herba untuk mengurangkan kesan sampingan rawatan kanser, rawatan perbidanan Melayu bagi ibu-ibu selepas bersalin dan rawatan Shirodhara bagi membantu pesakit yang mengalami kemurungan, kesukaran tidur (*insomnia*), kerisauan (*anxiety*) dan untuk meredakan tekanan (*stress*).

Pihak Kementerian juga dalam perancangan untuk memperkenalkan perkhidmatan PT&K ke dalam sistem penjagaan kesihatan primer. Untuk makluman Ahli Dewan semua, projek perintis dalam memperkenalkan perkhidmatan PT&K ke dalam sistem penjagaan kesihatan primer telah pun dijalankan di Klinik Kesihatan Masai, Johor di mana projek ini mendapat sambutan dan maklum balas yang bagus dan menggalakkan daripada pesakit. Susulan itu, perkhidmatan PT&K juga diperkenalkan ke Klinik Kesihatan Meranti, Kelantan pada tahun 2014 dengan menawarkan rawatan selepas bersalin.